

19/03/2004

Wan Azizah terus guna isu peribadi raih undi simpati

IPOH: Presiden Keadilan, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail terus menggunakan isu peribadi dan kekeluargaan dalam meraih simpati dan undi penduduk Kampung Manjoi di sini, serta kawasan sekitar.

Beliau yang berceramah di hadapan kira-kira 300 penyokong Keadilan di sini, malam kelmarin, masih memainkan isu bagaimana beliau tidak dibenarkan membawa makanan untuk suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Aidiladha lalu.

Katanya, perkara itu tidak pernah terjadi pada era pemerintahan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kerana mereka sekeluarga masih diberikan peluang untuk makan bersama dua kali setahun iaitu pada Aidilfitri dan Aidiladha.

"Sepatutnya pemimpin perlu meletakkan masalah ini sebagai masalah negara kerana ia membabitkan keluarga bekas Timbalan Perdana Menteri yang pernah sama-sama membangunkan negara.

"Janganlah kerana disebabkan perkara betul yang kita ketengahkan, masyarakat memandang serong serta melabelkan kita sebagai pengkhianat bangsa," katanya.

Wan Azizah berkata, kepemimpinan yang dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang digelar 'Mr Clean' kelihatan lebih teruk daripada Mahathir sejak awal pertukaran tampuk pemerintahan.

Katanya, banyak lagi perkara membabitkan rasuah di kalangan menteri yang perlu dibanteras jika Abdullah benar-benar ingin mengekalkan imej bersih serta disegani.